



AMANAH IKHTIAR MALAYSIA, sebuah badan Amanah Persendirian di bawah Akta Amanah (Pemerbadanan) 1952 (pindaan 1981) (Akta 258) bertujuan mengurangkan kemiskinan di Malaysia melalui Skim Pembiayaan Ikhtiar mempelawa calon yang berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut :

1. **Nama Jawatan** : **Pegawai Eksekutif Komunikasi Korporat
(Pereka Laman Sesawang & Aplikasi Mudah Alih)**
Gred : **E2 (Pegawai Eksekutif)**
Gaji Dan Elaun : **RM 3,056.00 (Berdasarkan Pengalaman)**

Kelayakan dan Kemahiran:

- Mempunyai Ijazah Sarjana Muda kepujian dalam bidang Teknologi Maklumat, Sains Komputer atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- Berpengalaman kerja melebihi 2 tahun dalam bidang *web developer* adalah kelebihan;
- Mempunyai kemahiran bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
- Berdaya kreatif, inovatif, strategik dan berfikiran positif serta mampu bekerja berpasukan atau sendirian
- Mempunyai minda yang positif, analitik, mahir dalam troubleshooting serta kemahiran komunikasi;
- Mempunyai perwatakan dan sahsiah diri yang baik;
- Mahir dalam reka bentuk grafik, reka bentuk laman multimedia, animasi dan penyuntingan video dan audio;
- Mahir menggunakan HTML/XHTML, CSS, Javascript, PHP, JQuery dan lain-lain program pengaturcaraan yang berkaitan dalam rekabentuk laman sesawang dan platform digital mudah alih;
- Berpengalaman dengan server-side frameworks seperti python,ruby,php, Java, ASP, ASP.NET, Laravel;
- Berpengalaman dengan sistem pangkalan data seperti MS SQL dan MY SQL;
- Mahir dalam mereka dan mempersembahkan reka bentuk laman sesawang dan aplikasi mudah alih yang menarik dan terkini;
- Berpengetahuan dalam mana-mana Sistem Kawalan Pengurusan (CMS);



Tanggungjawab :

- Mereka dan membina laman-laman web/ sebuah laman web menggunakan HTML standard/ amalan-amalan CSS;
- Menyelenggara dan mengemaskini laman sesawang dan aplikasi mudah alih;
- Mengemaskini dan peka dengan perkembangan terkini berkenaan bidang teknologi laman sesawang dan aplikasi mudah alih;

Calon yang berminat hendaklah menghantar permohonan ke alamat di bawah bersama-sama dengan **Surat Permohonan atau Resume, Salinan Sijil Akademik, Salinan Lesen Memandu, Salinan Kad Pengenalan, Salinan Sijil Kelahiran Dan Sekeping Gambar Berukuran Pasport (Tidak Dikembalikan)**. Permohonan hendaklah sampai sebelum atau pada **10 Mac 2020**. Sila tuliskan nama jawatan pada penjuru kanan sampul surat.

PENGURUS SUMBER MANUSIA

Ibu Pejabat, Amanah Ikhtiar Malaysia

Menara Amanah Ikhtiar

No. 3, Jalan Cempaka SD12/1A

Bandar Sri Damansara PJU9

52200 Kuala Lumpur

Tel: 03-6274 8810 Faks: 03-6274 8863

(Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temuduga)